



SESI TAYANGAN & DISKUSI FILEM :
AUTOBIOGRAPHY (INDONESIA)
BALLAD OF A WHITE COW (IRAN)
BARAKAT (AFRIKA SELATAN)

RENDEZVOUS

BULETIN SINEMA RABU @ CMTHub



Kolej Pengajian Seni Kreatif
Hab Media Kreatif dan Teknologi

JURNAL SINEMA RABU • ULASAN FILEM (APA KATA MEREKA?) • SUDUT PANDANG KURATOR • BICARA FILEM





01

BIL. 1
JUN 2024

BULETIN SINEMA RABU@CMTHub

SESI TAYANGAN DAN DISKUSI DWI-MINGGUAN

SIDANG REDAKSI

Penasihat

DR. SYAHRUL FITHRI MUSA

Kurator

DR. NORMAN YUSOFF

Editor

DR. SYAHRUL FITHRI MUSA

Editor Bersekutu

MOHD KAMIL HJ MOHAMED NOR
NARIZA VERSAY KUDUS
NUR HIDAYAH REFINGI
NURUL ANIS EZZAH ABDUL JALIN
CIK ZUHAIRAH SYAFIQAH DZUL KARNAIN
CIK ALINI ANAK DOLLY

Pereka Grafik

MOHD SHARIMAN MAT SOPARI

Fotografi

NURUL ANIS EZZAH ABDUL JALIN
CIK ZUHAIRAH SYAFIQAH DZUL KARNAIN
CIK ALINI ANAK DOLLY

Teknikal & Pentadbiran

NUR HIDAYAH REFINGI
MUHAMMAD HAFIDZ ZAINUDDIN
MUHAMMAD AMIRUDDIN OMARDIN
KU MUHAMMAD NASHRIZZ KU NASRI
IRDINA MAISARAH MD JAMIL
NUR AFIFAH KAMARUDIN
NURIN NABILAH KAHON
SITI ELLIEA NABILLA IBRAHIM

Hak Cipta Terpelihara Hab Media,
Kreatif & Teknologi, Universiti
Teknologi MARA. Tidak dibenarkan
mencetak semula mana-mana
bahagian teks, ilustrasi dan isi
kandungan buku ini dalam apa jua
bentuk sama ada secara elektronik,
fotokopi, mekanik, rakaman
atau cara lain kecuali dengan
keizinan bertulis dari penerbit

HAB MEDIA KREATIF DAN
TEKNOLOGI (CMTHub),
KOLEJ PENGAJIAN SENI KREATIF,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR.



04

Sudut Pandang
Kurator

06

Bicara Filem:
Dr. Syahrul Fithri
Musa

08

Jurnal Sinema Rabu

11

Ulasan Filem
(Apa Kata Mereka?)

14

Jadual Tayangan

SINEMA RABU @ CMTHub



Program Sinema Rabu@CMTHub yang telah bermula 6 Mac lalu merupakan acara tayangan dan diskusi filem dwi-mingguan yang melayarkan filem-filem hebat (yang kebanyakannya mendapat perhatian dan pengiktirafan dunia) dari seantero dunia. Tujuan program ini adalah untuk memupuk budaya apresiasi filem dalam kalangan warga UiTM, justeru sesi diskusi turut diadakan sebaik saja tayangan berakhir. Para khalayak yang hadir berpeluang mengupas atau memperkatakan sesuatu tentang filem yang ditonton. Selain itu, program ini bertujuan untuk mendedahkan filem-filem di luar ranah arus perdana yang tidak pernah menemui khalayak di pawagam-pawagam tanahair. Justeru filem-filem yang dilayarkan ini agak eksklusif, malah sebahagian besarnya juga tidak disiarkan di mana-mana media atau OTT penstriman seperti Netflix dan Disney+ Hotstar.



Dr. Norman Yusoff

AUTOBIOGRAPHY
6 Mac 2024




SUDUT PANDANG KURATOR

SINEMA RABU @ CMTHub

Tiga filem pertama yang menghiasi program ini bermula 6 Mac yang lalu adalah *Autobiography* (Makbul Mubarak, 2022) dari Indonesia, *Ballad of a White Cow* (Maryam Moghadam & Behtash Sanaeaha, 2020) dari Iran, dan *Barakat* (Amy Jephta, 2020) dari Afrika Selatan. *Autobiography* merupakan filem cereka sulung si pengarah dan boleh dianggap filem terbaik Indonesia dalam dua dekad ini. Skripnya juga melibatkan proses pembangunan (penulisan dan penulisan semula) melebihi 6 tahun. *Autobiography* memaparkan tema dan isu berkaitan kekuasaan, hubungan kekuasaan dan keterperangkapan, memperlihatkan bagaimana kuasa (yang korupsi dan disalahguna) diperturunkan kepada – atau diwarisi oleh – seseorang (generasi muda) secara tidak langsung. Kesemua ini diserlahkan secara visual (sinematik) dengan memanfaatkan syot, sudut kamera, *framing* dan tatacahaya, selain props seperti cermin, tingkap, bingkai dan palang tingkap, yang menjadi motif berpanjangan – kesemuanya secara efektifnya mentakrif dan mencorakkan keseluruhan *form* serta efek filem ini yang sentiasa mendebarkan dan menyeramkan. Pada satu lapisan cerita, *Autobiography* menyingkap sisi gelap politik dan individu politikus di Indonesia dalam memperlihatkan satu kitaran yang berkesinambungan, justeru boleh dibaca sebagai alegori kepada budaya politik Indonesia.

BALLAD OF A WHITE COW
20 Mac 2024



Ballad of a White Cow yang ditayangkan sempena Ramadan lalu adalah sebuah filem yang tegang, mencengkam lagi menghibakan. Kisah seorang wanita yang hidupnya menjadi tidak menentu selepas dimaklumkan yang suaminya yang telah menjalani hukuman mati atas satu pertuduhan jenayah sebenarnya tidak bersalah disebabkan kecuaihan pihak mahkamah. Kehidupannya mula berubah setelah didatangi seorang lelaki tidak dikenali yang mengakui kawan suaminya yang ingin melangsaikan hutang.

Filem ini bersimpang antara *thriller* dan melodrama dengan gaya sinematik tersendiri: dominasi syot-syot statik, penggunaan *elipsis* (perkara yang tidak ditunjukkan), hampir tiada runut bunyi, keintiman antara watak-watak (dan dengan penonton), dan penamat alternatif lagi *ambiguous*. Signifikannya, filem ini telah memanfaatkan surah Al-Baqarah (Surah Lembu) yang berperanan dalam memberikan perlambangan kepada judul filem ini serta imej seekor lembu putih yang dimunculkan pada awal dan akhir cerita. *Ballad of a White Cow* boleh difahami dan ditafsir dari pelbagai perspektif dan sudut. Sebagai drama spiritual tentang pengorbanan dalam erti kata sebenar, seperti dikiaskan surah Al-Baqarah, yang melibatkan dua individu – seorang yang terpaksa berhadapan dengan beberapa hakikat yang menyakitkan, manakala seorang lagi ingin menebus kekhilafan kerana dihantui rasa bersalah dan penyesalan. Atau kisah wanita yang suara dan haknya dinafikan dan terpaksa bergelut dalam kekangan sistem yang bobrok lagi menindas.



BARAKAT
17 April 2024

Filem ketiga *Barakat* dilayarkan dan dipilih khusus bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Filem ini adalah potret pahit-manis sebuah keluarga Muslim (Melayu) di Cape Town, Afrika Selatan menjelang sambutan Aidilfitri. Seorang ibu tunggal (yang ingin berkahwin lagi) cuba membuat kejutan dengan mengumumkan hasratnya itu kepada empat orang anak lelakinya ketika mereka semua pulang untuk menyambut Aidilfitri. Justeru, kekecohan dan salah faham telah berlaku kerana anak-anaknya itu (sebelum pulang) sudah mula membuat pelbagai andaian dan spekulasi. *Barakat* adalah sebuah komedi-drama yang ringan namun dihasilkan dengan mengimbangi elemen lelucon (yang terkawal) dan sentimental lagi melankolik. Seajar dengan latar ceritanya pada penghujung Ramadan dan perayaan Aidilfitri, filem ini mengutarakan rupa-rupa tema-tema seperti kemaafan dan penyembuhan (*healing*), kepulangan (*homecoming*), nostalgia, dan jurang antara generasi. Istimewanya, filem ini turut menyingkap beberapa rincian dan amalan budaya komuniti Muslim-Melayu di Cape Town, Afrika Selatan, dari penggunaan bahasa creole (satu bentuk bahasa hibrid dan berevolusi yang dipengaruhi pelbagai bahasa/dialek lain) hingga ke sambutan Aidilfitri – satu representasi yang jarang disaksikan oleh kita di Malaysia.

Tiga sesi pertama ini telah menyaksikan diskusi dan wacana yang agak baik daripada khalayak yang hadir, justeru menjadi sesi perkongsian idea, pandangan dan pengetahuan yang cukup bermanfaat. Ada yang mengupas dengan menyentuh aspek formal filem dari plot/naratif hingga ke aspek visual (sinematografi); ada yang memberi pandangan mereka tentang mutu lakonan dan persembahan. Beberapa penonton cuba menghubungkan konteks sejarah, sosial, budaya dan politik sesebuah negara/masyarakat dengan tema dan naratif filem, manakala yang lain mentafsir dengan lebih mendalam dari perspektif falsafah. Terdapat mereka yang melontarkan kritikan terhadap kekurangan sesuatu aspek atau hal-hal yang kurang menyenangkan yang seringkali berkaitan aspek representasi (seperti gender dan budaya). Tidak kurang juga yang hanya berkongsi 'rasa' mereka dengan menyatakan sama ada mereka menyukai atau tidak filem yang ditonton itu.

Moga program ini terus diterima dan disambut baik bukan sahaja dari warga Kolej Pengajian Seni Kreatif, tetapi dari warga UiTM (terutamanya di Kampus Shah Alam) secara umumnya. Diharapkan pengisian kandungan filem-filem yang dilayarkan dan sesi diskusi yang menyusul dapat menjadi testimoni kepada usaha memartabatkan filem supaya tidak hanya dianggap sebagai satu bentuk hiburan semata-mata, tetapi – yang lebih penting – sebagai satu medium seni, teks budaya yang signifikan, dan sumber pengisian ilmu dan hikmah.

RENDEZVOUS

**BICARA FILEM :
DR SYAHRUL FITHRI MUSA**



Saat kami memulakan idea menggerakkan program sinematik ini bersama Sinema Rabu@CMTHub, terdapat rasa keghairahan dan keterujaan. Kami membayangkan Sinema Rabu@CMTHub bukan sahaja sebagai program tayangan filem tetapi juga sebagai pertemuan untuk semua pencinta filem, ilmu, dan perbincangan intelektual. Kami juga membayangkan Sinema Rabu@CMTHub akan menjadi satu tempat di mana pelbagai suara berhimpun untuk berkongsi pendapat, pandangan, dan tafsiran masing-masing. Ia adalah platform di mana filem berperanan sebagai pemangkin untuk diskusi yang mendalam dan bermakna, membolehkan peserta melihat dunia melalui pelbagai perspektif.

Sinema Rabu @CMTHub adalah satu program tayangan filem, yang menjadi tumpuan dalam halaman newsletter kami, 'Rendezvous'. Inisiatif ini lebih daripada sekadar tayangan filem setiap dua minggu sekali, malah ia merupakan perhimpunan yang dirancang untuk merangsang diskusi intelektual dan kreatif di kalangan warga universiti, alumni, pemain industri, dan orang awam.

Istilah "rendezvous" berasal dari perkataan Perancis yang membawa maksud pertemuan yang dirancang, iaitu satu metafora yang serasi dengan visi kami membawa bersama seluruh warga pencinta seni filem. 'Sinema Rabu @CMTHub', diadakan setiap dua minggu pada petang Rabu bermula dengan tayangan *Autobiography* (2022) pada 6 Mac 2024, menawarkan peluang unik untuk berkumpul, menonton, dan membincangkan filem yang merangsang pemikiran dan memberi inspirasi kepada idea-idea baharu.

Pemilihan filem Sinema Rabu dikurasi dengan teliti oleh Dr. Norman Yusoff, salah seorang pensyarah kanan dari Bidang Filem, KPSK dan juga seorang sarjana filem yang disegani. Dr. Norman Yusoff, dengan kepakaran dan minatnya terhadap filem, memilih filem-filem yang diiktiraf dari festival-festival filem berprestij dari serata dunia untuk tujuan pendidikan. Pilihan beliau memastikan setiap filem tidak hanya menghibur tetapi juga memberi bahan kaya untuk perbincangan akademik dan refleksi peribadi.

Bagi edisi 'Rendezvous' yang pertama ini, kami memberi tumpuan kepada tiga filem yang luar biasa iaitu filem Indonesia yang berjudul *Autobiography* (2022), filem Iran, *Ballad of a White Cow* (2020), dan seterusnya filem dari Afrika Selatan, *Barakat* (2020). Filem-filem ini, dipilih kerana sanjungan kritikal dan kandungan tematik yang mendalam, memungkinan ia menjadi landasan untuk perbincangan yang menarik dikalangan penonton.

Setiap sesi 'Sinema Rabu@CMTHub' akan diikuti dengan perbincangan yang kritikal dan ilmiah. Pengalaman menonton dan juga sesi diskusi dirangka untuk menstimulasi para peserta untuk berfikir secara mendalam tentang segala aspek sinematik, tema, falsafah, teknik, dan kesan sosial filem. Lingkungan ini menggalakkan perkongsian pandangan yang berbeza, memperkayakan cambahan perbincangan dan meningkatkan pemahaman kolektif tentang filem sebagai satu bentuk seni.



Matlamat kami di CMTHub adalah untuk membina suasana akademik di kalangan individu-individu kreatif. Dengan mengambil bahagian dalam perbincangan ini, peserta tidak hanya akan memperluaskan kemahiran berfikir kritis dan analisis mereka tetapi juga menyumbang kepada komuniti intelektual yang dinamik. Inisiatif ini juga membuka ruang kepada peluang baharu dalam penerbitan akademik, kerana pandangan dan analisis yang dihasilkan semasa perbincangan boleh menghasilkan artikel-artikel akademik dan kertas-kertas penyelidikan. Selain itu, dengan setiap tayangan dan perbincangan, kami berharap untuk mencipta lebih banyak peluang bagi individu-individu untuk terlibat dengan pembikinan filem dalam cara yang baharu dan berkualiti.

Dalam semangat kerjasama dan penerokaan ini, Sinema Rabu boleh menjadi satu mercu tanda harapan, satu perjumpaan di mana idea-idea berkembang, hubungan terjalin, dan pemahaman diperdalam. Kami menjemput semua yang berminat untuk turut serta bersama kami dalam pengalaman yang mengujakan ini, sambil menikmati filem-filem berkualiti lantas memberi inspirasi, mendidik, dan menyatukan.

Salam sinema.





Jurnal Sinema Rabu



TAYANGAN PERTAMA!

Filem ini disulami dengan visual imej imejan yang sangat sinematik...

oleh : Cik Zuhairah Syafiqah Dzulkarnain

(Makbul Mubarak, 2022, Indonesia, 115 minit)

SINOPSIS

Kisah seorang pemuda membantu menjaga rumah seorang pesara jeneral yang sedang berkempen pilihan raya untuk menjadi seorang bupati, justeru diheret ke dunia kekuasaan yang gelap lagi menakutkan.

Anugerah:

- FIPRESCI Award (Venice International Film Festival 2022)
- Best Feature Fiction Award (Adelaide Film Festival 2022)
- Best Debut (Stockholm International Film Festival 2022)
- NETPAC Award (Golden Horse Film Festival, Taipei, 2022)
- Golden Hanoman Award (Jogja-NETPAC Asian Film Festival 2022)
- Silver Screen Award – Asian Feature Film (Singapore International Film Festival 2022)
- Best Screenplay (Asia-Pacific Screen Awards 2022)



Program Sinema Rabu@CMTHub merupakan salah satu cetusan idea ke arah pemerkasaan dan penghargaan terhadap karya seni oleh pihak Hab Media Kreatif & Teknologi (CMTHub). Program rintis buat julung kalinya telah diadakan di Ruang Media Kreatif & Digital CMTHub pada hari Rabu, 6 Mac 2024 dihadiri seramai 30 orang dari kalangan staf, tenaga pengajar serta anak didik dari pihak Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) dan CMTHub.

Tiada di pawagam, tiada di Netflix, tapi ada di Sinema Rabu @ CMTHub!


Filem *Autobiography* arahan Makbul Mubarak ini membawa penonton menelusuri hitam putih moral di antara kerakusan seorang tua dan seorang pemuda polos. Penonton yang hadir turut disajikan dengan permainan sinematik dan unsur alignment yang terbentuk cantik yang menjadikan filem ini mendapat perhatian festival-festival filem sedunia.

Sesi dikusi dilanjutkan setelah selesainya tayangan filem, di mana para penonton yang hadir berkongsi buah fikiran dan pendapat dari pelbagai aspek. Program ini berakhir pada jam 5 petang dan akan dilanjutkan semula pada dua minggu seterusnya, juga pada hari Rabu.



Jurnal Sinema Rabu

FILEM IRAN DI BULAN RAMADAN



Imejnya adalah imej cinta kasih sayang dan juga imej membunuh. Dia bunuh dengan kasih sayang...



oleh : Cik Zuhairah Syafiqah Dzul karnain



Filem *Ballad Of A White Cow* karya Maryam Moghadam telah terpilih sebagai filem kedua yang ditayangkan dalam bulan Ramadan pada 20 Mac 2024 yang lalu. Seramai 23 orang dari kalangan staf, pensyarah serta pelajar dari Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) dan juga Hab Media Kreatif dan Teknologi (CMTHub) telah hadir bagi memeriahkan program ini.

Tema ketidakadilan dan melankolik diangkat daripada filem ini, membawa penonton menghayati kisah Mina, seorang wanita yang meratapi kematian suaminya yang dihukum mati. Moghadam menyatakan bahawa "dua elemen yang kami mahu dia (Mina) ada ialah kuasa dan maruah". Watak utama wanita di dalam filem ini terlihat jelas berbeza dari kebanyakan filem Iran yang lain.

Dr. Norman Yusoff menyatakan bahawa konteks terbesar dalam filem ini menekankan elemen pengorbanan, di mana jelas dapat dilihat pada dua watak utama. Filem ini bukan hanya menonjolkan realiti masyarakat di Iran, malah mempersembahkan penonton dengan pelbagai elemen sinematografi yang memukau. Sesi tayangan dilanjutkan dengan sesi diskusi filem daripada penonton- penonton yang hadir. Program berakhir dengan ucapan penutup dan terima kasih daripada Dr. Syahrul Fithri Musa, Ketua CMTHub.

(Maryam Moghadam & Behdash Sanaeaha, 2020, Iran, 105 minit)

SINOPSIS

Hidup seorang wanita menjadi kacau setelah dimaklumkan yang suaminya yang telah menjalani hukuman mati atas satu pertuduhan jenayah sebenarnya tidak bersalah disebabkan kecuiaan pihak mahkamah. Kisah nestapa, penyesalan dan penebus kesalahan yang bersimpang antara thriller dan melodrama, antara detik-detik tegang dan saat-saat hiba lagi memilukan.

- Calon Filem Terbaik di **BERLIN INTERNATIONAL FILM FESTIVAL** (2021), Jerman
- Pemenang 'Best New Director' di **VALLADOLID INTERNATIONAL FILM FESTIVAL** (2021), Sepanyol
- 'Special Mention' (International Feature Film) di **ZURICH FILM FESTIVAL** (2021), Switzerland.





TAYANGAN ISTIMEWA SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA!

oleh : Cik Alini Anak Dolly

Sesi ketiga Sinema Rabu pada 17 April 2024, menampilkan filem Iran, *Barakat*. Seramai 27 orang yang terdiri dari kalangan pensyarah dan pelajar telah hadir pada petang itu. Filem ini merupakan filem mesra keluarga dan yang menariknya filem ini menunjukkan budaya orang Melayu dari Cape Town, Afrika Selatan.

Menurut Dr Norman Yusoff, pengarah untuk filem *Barakat* iaitu Amy Jeptha merupakan seorang pengarah teater dan 'theatre academia'. *Barakat* merupakan filem cereka pertama beliau. Filem ini juga berdasarkan pengalaman hidup keluarga beliau sendiri. Dimana salah seorang ibu bapanya merupakan orang Islam, manakala seorang lagi Kristian.

Kisah *Barakat* ini sememangnya menaikkan rasa untuk menyambut Hari Raya dengan meriah. Filem ini bukan setakat mengenai menyambut perayaan Hari Raya malah mengisahkan tentang kehidupan sebuah keluarga yang perlu menghadapi perubahan dengan berita yang mengejutkan.

Selepas perbincangan mengenai tayangan filem *Barakat*, para pensyarah dan pelajar menjamu selera dengan minuman petang dan kuih yang telah disediakan oleh pihak CMTHub.



DISKUSI MENGENAI FILEM BARAKAT BERMULA!



(AMY JEPHTA, 2020, AFRIKA SELATAN, 103 MINIT)


SINOPSIS

Seorang ibu tunggal pertengahan usia membuat satu pengumuman tergempar kepada keempat-empat anak lelaki yang pulang menyambut Aidilfitri. Komedi-drama kekeluargaan dengan representasi dan rincian budaya Melayu-Muslim di Cape Town, Afrika Selatan.

Filem ini telah memenangi Anugerah 'Best Achievement in Directing (Feature Film)' di **SOUTH AFRICAN FILM AND TELEVISION AWARDS, 2022**


Selain terpilih secara rasmi mewakili Afrika Selatan untuk **94th Academy Awards (2022)** bagi kategori 'Best International Feature Film.'





ULASAN FILEM

Apa Kata Mereka?



"...Itu mantra Sukarno., " Beri aku 1000 orang tua, niscaya akan kucabut semeru dari akarnya, beri aku 10 pemuda, niscaya akan kuguncang dunia." itu dia bawa lagi sampai ke hari ini, meresap. Jadi mungkin semangat itu masuk ke dalam arena politik kita juga. "

Prof. Madya Dr. Saiful Akram Che Cob

Pensyarah seni Digital & Imejan



"Apa yang paling saya suka adalah bagaimana director, dia bermain dengan feel, fear. Which is rare yang kita tonton dalam filem. Director created it by not just color, but style of shooting. "

Encik Saad Omar


Pensyarah seni Persembahan

"One thing about this filem in general, sebenarnya kita tak nampak Jeneral Purna itu sebagai seorang yang sangat dictator, seorang yang sangat dominan, tetapi melalui image action"

Puan Norlela Ismail

Pensyarah seni Liberal





ULASAN FILEM

APA KATA MEREKA?



"Budaya patriarki tu cuba diruntuhkan dengan mengangkat budaya matriarki. Contoh watak perempuan tu diangkat, anak dia pun pekak and bisu, walaupun menunjukkan keadaan pekak dan bisu, dia menunjukkan kekuatan pada wanita."

Prof. Dr. Mohd Kipli Abdul Rahman

Pensyarah seni Persembahan



RESEPSI

"Saya suka juga melihat filem ini dari temanya, tema cinta, saya nampak cinta di hujung nafas, sebenarnya isu ni tentang cinta."

Umi Kalsom Ahmad


Pensyarah seni Persembahan



"Saya suka dia (pengarah) tunjuk (realiti) masyarakat Iran dalam filem ni. Kalau dalam filem lain kita nampak macam Diorang ni homogen, macam satu kan. Tapi dalam filem ni kita nampak masyarakat Iran ni dia pelbagaikan."

Megat Sharizal

Pelakon / Pengarah / Pelajar Sarjana



ULASAN FILEM

APA KATA MEREKA?



"saya suka dia punya beberapa konsep macam to understand them lah. Contoh, macam baru tahu ada 'setting' nak tengok anak bulan, wow very interesting. Ada (kelainan) culture di situ."

Dr Mumtaz Mokhtar
Pensyarah Seni Halus



"I think dalam banyak-banyak cerita, daripada awal, this movie, dah bagi pengajaran pada kita, gossip is very dangerous. Itulah kanser dia."

Puan Andrialis Abdul Rahman
Pensyarah Seni Digital & Imejan

"Saya nampaklah dekat situ kan. Usia macam mana pun, even after fighting ke, apa ke atau berpisah lama then everything, dia masih ada satu kekuatan in that family. Itulah yang saya nampak."

Pelajar Filem



SINEMA RABU @ CMTHub

SESI TAYANGAN DAN DISKUSI DWI-MINGGUAN

2024

MAC
SEPT

JADUAL TAYANGAN



6 MAC 2024

AUTOBIOGRAPHY

(Makbub Mubarak, 2022, Indonesia, 115 minit)

Kisah seorang pemuda membantu menjaga rumah seorang pesara jeneral yang sedang berkempen pilihan raya untuk menjadi seorang bupati, justeru diheret ke dunia kekuasaan yang gelap lagi menakutkan.

20 MAC 2024

BALLAD OF A WHITE COW

(Maryam Moghadam & Behtash Sanaeaha, 2020, Iran, 105 minit)

Hidup seorang wanita menjadi kacau setelah dimaklumkan yang suaminya yang telah menjalani hukuman mati atas satu pertuduhan jenayah sebenarnya tidak bersalah disebabkan kecuaihan pihak mahkamah. Kisah nestapa, penyesalan dan penebus kesalahan yang bersimpang antara thriller dan melodrama, antara detik-detik tegang dan saat-saat hiba lagi memilukan.

17 APRIL 2024

BARAKAT

(Amy Jephta, 2020, Afrika Selatan, 103 minit)

Seorang ibu tunggal pertengahan usia membuat satu pengumuman tergempar kepada keempat-empat anak lelaki yang pulang menyambut Aidilfitri. Komedi-drama kekeluargaan dengan representasi dan rincian budaya Melayu-Muslim di Cape Town, Afrika Selatan.

15 MEI 2024

ONCE WERE WARRIORS

(Lee Tamahori, New Zealand, 1994, 100 minit)

Kisah seorang isteri-ibu yang kental berusaha menyelamatkan keluarganya (berketurunan Maori) dari kehancuran akibat sikap panas-baran dan sadis si bapa. Filem ikonik sinema New Zealand yang sarat dengan babak-babak tegang, cemas lagi getir serta lakonan yang berkuasa.

29 MEI 2024

PERFECT DAYS

(Wim Wenders, 2023, Jepun/Jerman, 124 minit)

Kisah harian seorang lelaki pertengahan usia yang bekerja sebagai pencuci tandas awam di Tokyo yang menjalani kehidupan berseorangan penuh kesunyian. Memperlihatkan rincian dan rutin aktiviti seharian protagonisnya di samping lakonan mantap dan gaya pengarahannya (Wim Wenders) yang masih menyengat.



12 JUN 2024

THY WOMB

(Brillante Mendoza, 2012, Filipina, 105 minit)

Seorang bidan tradisional yang mandul berkorban jiwa dan raga membantu suaminya mencari perempuan muda untuk dijadikan isteri kedua. Separa realisme sosial dengan sentuhan etnografi dan separa drama spiritual, karya ini dimantapkan dengan lakonan dan penghayatan luar biasa Nora Aunor, aktris hebat Filipina.

26 JUN 2024

BOY FROM HEAVEN

(Tarik Saleh, 2021, Sweden/Perancis/Finland, 120 minit)

Adam, anak seorang nelayan yang mendapat tawaran melanjutkan pengajian di Universiti Al-Azhar menjadi mangsa percaturan kuasa antara golongan agamawan dan elit politik Mesir. Sebuah thriller pengintipan yang membongkar korupsi yang menular di sebuah institusi pengajian yang unggul lagi terkenal dalam pendidikan Islam.

10 JULAI 2024

THE SCENT OF GREEN PAPAYA

(Tran Anh Hung, Vietnam, 1995, 104 minit)

Kisah kehidupan domestik di Saigon dari kaca mata seorang budak perempuan Vietnam dari desa yang menjadi pembantu rumah di sebuah keluarga kelas pertengahan. Separa pertama melibatkan naratif 'menuju kedewasaan' dan separa kedua naratif percintaan, kesemuanya disampaikan menerusi rincian dan kehalusan sinematografi yang memikat.

24 JULAI 2024

GAMAK GHAR

(Achal Mishra, 2019, India, 91 minit)

Sebuah rumah pusaka yang diwarisi sebuah keluarga menyaksikan pelbagai ritual dan tradisi, kelahiran dan kematian, penghijrahan dan kunjungan ahli-ahli keluarga selama lebih dua dekad. Potret sebuah rumah sebagai ruang yang menua dan mengusang bersama keberlaluannya masa disampaikan dengan keintiman dan keputihan visual.

7 OGOS 2024

THE TERRORIZERS

(Edward Yang, Taiwan, 1986, 108 minit)

Kisah interaksi yang tidak disengajakan di kalangan tiga kelompok manusia di Taipei: seorang gadis dan kumpulan penjenayah pribumi Taiwan; seorang doktor dari Tanah Besar China dan isteri penulisnya; dan, seorang jurufoto muda. Pengarah Edward Yang begitu inovatif dalam menyusun-atur pelbagai hubungan antara watak, ruang dan genre.



21 OGOS 2024

ADAM

(Maryam Touzani, Morocco, 2019, 98 minit)

Kisah Samia, seorang ibu muda yang hamil di luar nikah, yang bergelut mencari pekerjaan diambil bekerja oleh seorang janda pembuat roti. Filem sulung garapan Maryam Touzani ini menerokai isu sosial seperti menjadi wanita hamil di luar nikah adalah haram di segi undang-undang di Morocco pada satu ketika dulu.

4 SEPTEMBER 2024

OASIS

(Lee Chang Dong, Korea Selatan, 2002, 132 minit)

Kisah cinta luar biasa antara seorang lelaki - bekas banduan - yang sakit mental dengan wanita yang menghidap palsy serebrum. Turut memaparkan persepsi dan stigma sosial terhadap hubungan kedua watak ini, drama romantis psikologi ini mengadunkan realisme getir dan fantasi.



Kolej Pengajian Seni Kreatif

Hab Media Kreatif dan Teknologi

Rabu • 2:00 petang
Ruang Media Kreatif dan Digital
CMTHub KPSK UTM SHAH ALAM



Rendezvous

Bilangan 1

BULETIN SINEMA RABU @ CMTHub

SESI TAYANGAN DAN DISKUSI DWI-MINGGUAN

Sekalung Penghargaan

Pihak kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK), para pelajar dan tetamu yang sudi hadir untuk memeriahkan suasana Sinema Rabu di CMTHub. Semoga berjumpa lagi di edisi ke 2!



cmthub.uitm

25
TAHUN
1993-2018
UTM SEBUAH UNIVERSITI



Kolej
Pengajian Seni Kreatif

Hab
Media Kreatif
dan Teknologi

RENDEZVOUS

BULETIN SINEMA RABU @ CMTHub